

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI
HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah dapatan dan solusi yang dicapai menerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Jaminan Makanan yang dipengerusikan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan setahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa peka dengan senario semasa sekuriti makanan negara, terutamanya dalam menangani kesan COVID-19 terhadap sistem makanan. Ini jelas menerusi penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara atau FSCC yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi merangka hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik dan mampan.

Semenjak penubuhan Jawatankuasa Kabinet ini pada 25 Mac 2020, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang yang dikenal pasti dalam sistem makanan negara, khususnya bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan kepada rakyat.

Sehingga kini, Jawatankuasa Kabinet telah membincangkan aspek-aspek yang berpotensi bagi memperkukuh sekuriti makanan negara, antaranya cadangan insentif untuk pengeluar makanan sihat dan berkhasiat, pemantauan dan penguatkuasaan pengimportan daging, mekanisme pemantauan bekalan dan harga bahan makanan khususnya bawang dan cili serta penubuhan Lembaga Ruminan Negara (LRN).

Pelaksanaan Program *Smart* Sawah Berskala Besar (SMART SBB) juga merupakan antara solusi yang dicapai menerusi platform ini untuk meningkatkan produktiviti industri padi dan beras negara. Program ini mensasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak dan sewaan.

Selain itu, MAFI secara kolaborasi merentasi agensi dan kementerian telah membangunkan satu (1) pelan tindakan khusus iaitu Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 bertujuan menterjemah inisiatif-inisiatif berteraskan

SOALAN NO : 15

peningkatan daya tahan sistem makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan. Saranan dan pandangan pelbagai pihak seperti pemain industri, ahli akademik serta badan bukan kerajaan (NGO) telah diambil kira dalam menyediakan pelan tindakan ini, termasuk saranan-saranan penambahbaikan yang dibangkitkan oleh *The Economist Intelligence Unit* (EIU) menerusi Laporan *Global Food Security Index* (GFSI) 2020.

Pelaksanaan pelan tindakan ini akan dipantau secara strategik menerusi empat (4) kluster atau jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan merentasi agensi dan kementerian dengan mengoptimumkan platform sedia ada. Kluster-kluster ini juga bertanggungjawab dalam meneliti isu dan saranan berlandaskan dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan (*availability*), akses (*accessibility*), penggunaan (*utilization*) serta kestabilan dan kemampanan (*stability and sustainability*) untuk pertimbangan jawatankuasa kabinet kelak.

Di samping itu, satu (1) kumpulan kerja atau Taskforce Data Sekuriti Makanan Negara telah diwujudkan bagi mengenal pasti sumber dokumen GFSI yang berpotensi menjadi rujukan dengan mengumpul data tersedia di kementerian dan agensi berdasarkan indikator GFSI.

Dalam hal ini, diyakini dengan usaha-usaha yang sedang dan bakal dilaksanakan akan menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan agar kekal utuh dalam mengharungi sebarang krisis.

Sekian, terima kasih.